

18 NOV 2000

LID-MIGHT

MIGHT DAN CPTM TUNJANG KEJAYAAN PERKONGSIAN BESTARI

Oleh: Muammar Kamaruddin

LANGKAWI, 18 Nov (Bernama) - Apabila orang ramai memperkatakan mengenai Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), kebiasaannya mereka akan membayangkan ketua-ketua kerajaan dan kumpulan perniagaan berkumpul bersama-sama untuk bertukar pandangan mengenai perkongsian bestari.

Bagaimanapun, tidak ramai yang tahu kejayaan (LID) juga adalah hasil usaha padu dua organisasi -- MIGHT dan CPTM -- yang mengumpulkan bersama ketua-ketua kerajaan dan kumpulan perniagaan dari negara selatan-selatan dan Malaysia ke pulau yang masyhur dengan lagenda Mahsuri.

Mereka telah mengusahakannya sejak pelancaran LID pada 1995.

Dan tahun ini, Kumpulan Industri Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Commonwealth PARTNERSHIP for Technology Management Ltd (CPTM) akan sekali lagi memulakan tugas mereka dengan bersungguh-sungguh.

Dialog Antarabangsa Langkawi 2000 (LID 2000) selama empat hari yang bermula Ahad ini dijangka menarik lebih 300 peserta termasuk 15 ketua-ketua negara atau ketua kerajaan, seorang timbalan perdana menteri, seorang naib presiden dan beberapa menteri dari Afrika, Asia, Eropah dan Caribbean untuk menyertainya.

MIGHT adalah sebuah syarikat bukan keuntungan yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Feb, 1993.

Ia juga adalah satu bentuk perkongsian bestari antara kerajaan dan sektor swasta dengan matlamat bagi kedua-dua pihak bekerjasama dalam memulakan peluang-peluang pelaburan dan perniagaan, pilihan dasar bagi kerajaan dan keutamaan penyelidikan bagi institusi awam dan swasta.

MIGHT dengan 87 anggota memainkan peranan untuk membentuk kecekapan Malaysia dalam teknologi tinggi serta menggerak dan menguruskan teknologi kolektif melangkaui sumber-sumber organisasi individu.

Syarikat itu dikemudikan oleh kumpulan individu yang kukuh dan terpilih di bawah pengerusian bersama ketua korporat Malaysia utama dan Penasihat Sains di Jabatan Perdana Menteri.

Ia juga mendapat tunjuk ajar daripada lembaga pengarah yang terdiri daripada ketua-ketua industri dan pegawai-pegawai kanan.

Sementara itu, CPTM yang berpangkalan di London mempunyai keanggotaan terdiri daripada 53 kerajaan, syarikat awam dan swasta dan anggaran 500 profesional kanan yang dikenali sebagai "rangkaian".

CPTM adalah rangkaian yang berfungsi sebagai pemangkin dan pusat penjelasan bagi usaha koperasi di kalangan anggota kerajaan, kumpulan perniagaan dan rangkaian pengurus profesional kanan yang sedang berkembang daripada penyelidikan asas dan pengurusan alam sekitar kepada perancabgab ekonomi makro, modal teroka dan pemasaran.

Ia ditubuhkan pada 1995 oleh Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada 1995. -- BERNAMA

MK FR ZK